

TARIKH	SELASA, 16 OGOS 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	CUEPACS HARAP ADA KHABAR GEMBIRA PADA 30 OGOS INI
M/S	14
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	SALARY

# CUEPACS harap ada khabar gembira pada 30 Ogos ini

Kerajaan diminta penuhi cadangan naik gaji, elaun tambahan bantu ringan beban

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
bhnews@bh.com.my

**Selayang:** Kenaikan gaji minimum dan elaun tambahan bagi penjawat awam menjadi antara fokus yang mungkin boleh dijadikan keutamaan kerajaan buat masa ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat, berkata khabar gembira itu diharap dalam direalisasikan kerajaan dalam Majlis Perhimpunan Perdana Penjawat Awam pada 30 Ogos ini.

Beliau berkata, cadangan gaji minimum penjawat awam dinaikkan kepada RM1,800 sebulan perlu dilaksanakan segera dengan mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat pasca pandemik ini.

Katanya, elaun tambahan sebanyak RM150 juga boleh ditambah



Adnan bersama Abdul Rahman dan Wan Mahmood hadir pada Majlis Perhimpunan dan Sambutan Kempen Jalur Gemilang Majlis Perbandaran Selayang, semalam. (Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

dalam Imbuan Tetap Penjawat Awam atau Elaun Perumahan.

“CUEPACS berharap ada pengumuman gembira akan dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam majlis perhimpunan hujung bulan ini.

“Tuntutan ini selari dengan kenaikan kos sara hidup dan ia dilihat relevan dengan keadaan ekonomi semasa yang semakin menghimpit penjawat awam,” katanya pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan dan Sambu-

tan Kempen Jalur Gemilang Majlis Perbandaran Selayang (MPS), di sini, semalam.

## Bantu tingkat taraf hidup

Beliau berkata, ketika ini penjawat awam menerima gaji minimum RM1,200 selain beberapa elaun yang menjadikan jumlah RM1,900 sebulan.

Katanya, kenaikan gaji minimum kelak boleh meningkatkan taraf hidup dan kuasa beli dalam kalangan penjawat awam.

“Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2025.

“Perkara ini sudah disuarakan CUEPACS dalam pertemuan bersama Perdana Menteri sebelum ini dan diharap ia dapat direalisasikan,” katanya.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung CEUPACS, Abdul Rahman Mohd Nordin dan Orang Besar Daerah (OBD) Gombak, Tan Sri Wan Mahmood Pa'wan Teh.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM